KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH OF MALAYSIA
Bahagian Pengurusan Latihan
Training Division
Aras 3 dan 6, Menara Prisma
No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8000 8000
Faks (Fax) : 603-8885 0748
Laman Web (Web) : latihan.moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM600-25/10/24 Jld. 10 (20)
Tarikh : 5 November 2019

Pengarah Kesihatan Negeri

Pengarah Hospital/ Institut- Institut Latihan

Pegawai Kesihatan Daerah/Kawasan/ Bahagian

Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

TAWARAN UNTUK MENGIKUTI KURSUS LANJUTAN PERINGKAT DIPLOMA DAN SIJIL DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI SESI MAC/MEI 2020

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia ingin mempelawa **Anggota Sains Kesihatan Bersekutu** yang sedang berkhidmat di Kementerian/Jabatan/Agensi/ fasiliti YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk mengikuti Kursus Lanjutan di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia secara sepenuh masa bagi sesi Mac/Mei 2020.

3. Bagi memudahkan proses permohonan kali ini, penawaran dilaksanakan mengikut tarikh-tarikh berikut:

BIL	PERKARA	TARIKH
1.	Permohonan secara dalam talian	18 November 2019 sehingga 8 Disember 2019
2.	Sokongan Penyokong 1 dan 2	9 Disember 2019 sehingga 15 Disember 2019
3.	Perakuan Jabatan Kesihatan Negeri / Agensi	16 Disember 2019 sehingga 24 Disember 2019

4. Butir-butir syarat dan kriteria serta tatacara permohonan adalah seperti di **LAMPIRAN**. Maklumat permohonan boleh juga didapati dengan melayari laman web Kementerian Kesihatan Malaysia **www.moh.gov.my** atau portal Bahagian Pengurusan Latihan, Kementerian Kesihatan Malaysia **http://latihan.moh.gov.my.**

5. Sebarang pertanyaan berhubung permohonan Kursus Lanjutan boleh di e-melkan kepada **kursuslanjutan@moh.gov.my.** Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR ZAINAL ABIDIN BIN SAIT)
Bahagian Pengurusan Latihan
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

LAMPIRAN 1

SYARAT-SYARAT PENAWARAN KURSUS LANJUTAN PERINGKAT DIPLOMA DAN SIJIL DI ILKKM SESI MAC/MEI 2020

1. SYARAT KHUSUS

i) Berumur tidak melebihi **48 tahun** pada tarikh tutup tawaran;

ii) **Berkhidmat** sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun bagi calon Kerajaan & Badan Berkanun** dan **dua (2) tahun bagi calon swasta** pada tarikh tutup tawaran;

iii) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan** terkini pada tarikh tutup permohonan;

iv) Mencapai **markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) purata 85% ke atas bagi tempoh tiga (3) tahun skim perkhidmatan terkini secara berturut-turut (2016, 2017 & 2018). Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan;**

v) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;

vi) Diperakui oleh Ketua Jabatan;

vii) **Lulus pemeriksaan kesihatan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan (termasuk ujian, Hepatitis B, Hepatitis C & HIV/AIDS dan U.P.T) selepas calon terpilih untuk mengikuti Kursus Lanjutan. Sekiranya keputusan pemeriksaan perubatan tidak lulus, tawaran adalah terbatal dengan sendiri;**

viii) Mempunyai pengalaman atau pendedahan latihan klinikal dalam bidang yang dipohon sekurang-kurangnya **enam (6) bulan KECUALI bagi Kursus Diploma Lanjutan Kebidanan, Diploma Lanjutan Penjagaan Diabetis dan Sijil Pos Basik Kawalan Infeksi. Keutamaan akan diberikan kepada calon yang bertugas di unit tersebut;**

ix) **Pegawai Kerajaan yang menarik diri dari mengikuti latihan setelah menandatangani kontrak dengan Kerajaan Malaysia** adalah **tidak layak memohon selagi ikatan kontrak dengan kerajaan masih berjalan**;

x) **Pegawai yang menolak tawaran** kursus bagi sesi sebelum ini tanpa alasan yang munasabah adalah **tidak layak** memohon dalam tempoh **dua (2) tahun terakhir;**

xi) Pegawai yang telah mengikuti mana-mana tawaran Kursus Lanjutan dalam tempoh **dua (2) tahun terakhir** adalah **tidak layak** memohon; dan

xii) Calon **wanita tidak dibenarkan hamil semasa memohon dan sepanjang tempoh pengajian.Sekiranya didapati hamil ketika mengikuti kursus, pelatih akan ditamatkan latihan.**

2. SYARAT-SYARAT KHAS KURSUS

Syarat-syarat khas kursus adalah seperti berikut:

2.1 Sijil Pos Basik Kejururawatan Kesihatan Awam

(a) Pemohon perlu mempunyai **Sijil Kebidanan Bahagian I / Diploma Lanjutan Kebidanan** dan pengalaman bertugas sekurang-kurangnya **enam (6) bulan** di bidang tersebut;

2.2 Sijil Pos Basik Sediaan Farmaseutikal Steril

(a) Pemohon perlu mempunyai pengalaman dan pendedahan latihan klinikal sekurang-kurangnya **enam (6) bulan** di bidang berkenaan;

(b) Keutamaan akan diberi kepada calon yang sedang bertugas di **Unit *Parenteral Nutrition, IV Admixture* atau *Cytotoxic Drug Reconstitution*** selepas menamatkan kursus;

(c) Calon yang mengandung dan sedang menyusukan bayi tidak dibenarkan mengikuti kursus ini; dan

(d) Bagi tujuan pemantauan tahap kesihatan, calon kursus perlu menjalani pemeriksaan ***Full Blood Picture*** sebelum mengikuti kursus ini.

2.3 Sijil Pos Basik Penjagaan Luka

(a) pengalaman bekerja tiga (3) tahun termasuk enam **(6) bulan dalam bidang berkaitan penjagaan luka**.

(b) mempunyai *Annual Practice Certificate* (APC) yang disahkan oleh Lembaga Profesion masing-masing.

2.4 **Sijil Pos Basik Penjagaan Reumatologi**

(a) **pengalaman bekerja tiga (3) tahun termasuk enam (6) bulan dalam bidang berkaitan penjagaan reumatologi/perubatan.**

(b) **mempunyai *Annual Practice Certificate* (APC) yang disahkan oleh Lembaga Profesion masing-masing.**

2.5 **Diploma Lanjutan Perawatan Onkologi**

(a) Keutamaan kepada yang mempunyai pengalaman klinikal atau sedang bertugas di Sub-Kepakaran tertentu sekurang-kurangnya **enam (6) bulan**.

2.6 **Diploma Lanjutan Penjagaan Kecemasan**

(a) Keutamaan kepada yang mempunyai pengalaman klinikal atau yang sedang bertugas di unit berkenaan sekurang-kurang **enam (6) bulan.**

(b) Pemohon juga hendaklah mempunyai sijil ***Basic Life Support* (BLS) yang terkini dan masih sah** sebelum layak memohon.

2.7 **Diploma Lanjutan Perawatan Kesihatan Mental**

(a) Keutamaan kepada yang mempunyai pengalaman klinikal atau yang sedang bertugas di unit berkenaan sekurang-kurang **enam (6) bulan.**

2.8 **Diploma Lanjutan Histopatologi**

(a) Keutamaan kepada yang bertugas di **Makmal Hispatologi selama dua (2) tahun** dan mendapat perakuan daripada Ketua Patologi Negeri.

2.9 **Diploma Lanjutan Transfusi Darah**

(a) Keutamaan yang bertugas di **Makmal Transfusi Darah selama dua (2) tahun** dan mendapat perakuan daripada Ketua Patologi Negeri.

3. SENARAI KURSUS DAN PUSAT LATIHAN

Senarai bidang kursus yang ditawarkan adalah seperti di **Lampiran 2** dan senarai pusat-pusat latihan adalah seperti di **Lampiran 3.**

4. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan secara dalam talian adalah pada **8 Disember 2019**.

5. TEMPOH PENGAJIAN

5.1 Pelaksanaan kursus adalah seperti berikut:

i. **Kursus enam (6) bulan bermula 2 Mac 2020 hingga 31 Ogos 2020;dan**

ii. **Kursus dua belas (12) bulan bermula 2 Mac 2020 hingga 28 Februari 2021.**

5.2 Pelaksanaan Kursus **Diploma Lanjutan Histopatologi dan Diploma Lanjutan Transfusi Darah ditawarkan di ILKKM Kuala Lumpur (Teknologi Makmal Perubatan)** dijadualkan seperti berikut:

i. **Kursus dua belas (12) bulan bermula 2 Mei 2020 hingga 30 April 2021.**

6. YURAN PENGAJIAN

KURSUS	TEMPOH	CALON	YURAN
Diploma Lanjutan	12 bulan	Kerajaan/ Badan Berkanun	-
		Swasta	RM4,600.00
Sijil Pos Basik	12 bulan	Kerajaan/ Badan Berkanun	-
		Swasta	RM4,600.00
Sijil Pos Basik	6 bulan	Kerajaan/ Badan Berkanun	-
		Swasta	RM3,500.00

7. TATACARA PERMOHONAN

i) Permohonan adalah secara atas talian sepenuhnya menerusi sistem **eldp.moh.gov.my.** Calon hendaklah membaca dan memahami setiap arahan yang dinyatakan dalam Panduan Pengguna serta mengisi butiran dengan lengkap dan memuatnaik dokumen yang diperlukan sahaja.

ii) Permohonan perlu disokong oleh Penyelia dan Ketua Jabatan **secara atas talian.** Adalah menjadi **tanggungjawab pemohon untuk memaklumkan kepada penyelia dan Ketua Jabatan masing-masing bagi memastikan permohonan telah diambil tindakan**. **Bagi calon Kementerian Kesihatan Malaysia, permohonan perlulah mendapat perakuan oleh Jabatan Kesihatan Negeri.**

iii) Pengakuan pemohon adalah penyataan yang diambilkira dalam permohonan ini. KKM berhak **membatalkan permohonan** sekiranya terbukti maklumat yang diberikan adalah palsu atau berbentuk penipuan.

8. TANGGUNGJAWAB JABATAN KESIHATAN NEGERI / KETUA JABATAN

i) Senarai calon yang telah diperakukan oleh **Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri/ Agensi** hendaklah **disahkan atas talian** dan **dikemukakan dalam sistem oleh Pentadbir Sistem mengikut tarikh yang telah ditetapkan**;

ii) Memastikan **calon-calon yang diperakukan bebas daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah**; dan

iii) Memastikan **calon-calon yang diperakukan adalah berkelayakan dan memenuhi syarat khusus dan syarat-syarat khas kursus**.

LAMPIRAN 2

SENARAI KURSUS LANJUTAN YANG DITAWARKAN DI ILKKM BAGI PENGAMBILAN SESI MAC/MEI 2020

BIL	KURSUS	TEMPOH KURSUS	PESERTA KURSUS
1.	Diploma Lanjutan Kebidanan	12 bulan	Jururawat
2.	Diploma Lanjutan Perawatan Gerontologi	12 bulan	Jururawat/Penolong Pegawai Perubatan
3.	Diploma Lanjutan Penjagaan Onkologi	12 bulan	Jururawat
4.	Diploma Lanjutan Perawatan Kesihatan Mental	12 bulan	Jururawat/Penolong Pegawai Perubatan
5.	Diploma Lanjutan Penjagaan Diabetis	12 bulan	Jururawat/Penolong Pegawai Perubatan
6.	Diploma Lanjutan Pengurusan Penjagaan Kesihatan	12 bulan	Semua Kategori Paramedik
7.	Diploma Lanjutan Penjagaan Kecemasan	12 bulan	Jururawat/Penolong Pegawai Perubatan
8.	Diploma Lanjutan Pengimejan Payudara	12 bulan	Jurux-Ray (Wanita sahaja)
9.	Diploma Lanjutan Histopatologi	12 bulan	Juruteknologi Makmal Perubatan
10.	Diploma Lanjutan Transfusi Darah	12 bulan	Juruteknologi Makmal Perubatan
11.	Sijil Pos Basik Kejururawatan Kesihatan Awam	12 bulan	Jururawat
12.	Sijil Pos Basik Anestesia (Sabah & Sarawak Sahaja)	12 bulan	Penolong Pegawai Perubatan
13.	Sijil Pos Basik Penyiasatan dan Pendakwaan Undang-Undang	12 bulan	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
14.	Sijil Pos Basik Perawatan Nefrologi	6 bulan	Jururawat/Penolong Pegawai Perubatan
15.	Sijil Pos Basik Perawatan Neonat	6 bulan	Jururawat
16.	Sijil Pos Basik Perawatan Ortopedik	6 bulan	Jururawat/Penolong Pegawai Perubatan
17.	Sijil Pos Basik Perubatan Sukan	6 bulan	Jururawat/Penolong Pegawai Perubatan/Jurupulih Perubatan Fisioterapi
18.	Sijil Pos Basik Perubatan Forensik	6 bulan	Penolong Pegawai Perubatan

BIL	KURSUS	TEMPOH KURSUS	PESERTA KURSUS
19.	Sijil Pos Basik Penjagaan Kesihatan Primer	6 bulan	Jururawat/Penolong Pegawai Perubatan
20.	Sijil Pos Basik Perawatan Oftalmik	6 bulan	Jururawat/Penolong Pegawai Perubatan
21.	Sijil Pos Basik Perawatan Perianestesia	6 bulan	Jururawat/Penolong Pegawai Perubatan
22.	Sijilpos Basik Kawalan Infeksi	6 bulan	Jururawat/Penolong Pegawai Perubatan
23.	Sijil Pos Basik Perawatan Rehabilitasi	6 bulan	Jururawat/Penolong Pegawai Perubatan
24.	Sijil Pos Basik Sediaan Farmaseutikal Steril	6 bulan	Penolong Pegawai Farmasi
25.	Sijil Pos Basik Kaunseling HIV/AIDS	6 bulan	Jururawat/Penolong Pegawai Perubatan
26.	Sijil Pos Basik Perawatan Gastrointestinal Endoscopy	6 bulan	Jururawat/Penolong Pegawai Perubatan
27.	Sijil Pos Basik Penjagaan Dermatologi	6 bulan	Jururawat/Penolong Pegawai Perubatan
28.	Sijil Pos Basik Penjagaan Luka	6 bulan	Jururawat/Penolong Pegawai Perubatan
29.	Sijil Pos Basik Penjagaan Reumatologi	6 bulan	Jururawat/Penolong Pegawai Perubatan

LAMPIRAN 3

SENARAI KURSUS LANJUTAN YANG DITAWARKAN BAGI SESI MAC/MEI 2020	
BIL	**KURSUS / PUSAT LATIHAN**
1.	**DIPLOMA LANJUTAN KEBIDANAN (12 BULAN)** ILKKM Sg Buloh ILKKM Johor Bahru ILKKM Kota Kinabalu ILKKM Kuching ILKKM Alor Setar (Kejururawatan) ILKKM Bertam (Kejururawatan) ILKKM Kuala Pilah (Kejururawatan) ILKKM Kuantan (Kejururawatan) ILKKM Kubang Kerian (Kejururawatan) ILKKM Kuala Terengganu (Kejururawatan) ILKKM Sibu (Kejururawatan) ILKKM Sandakan (Kejururawatan)
2.	**DIPLOMA LANJUTAN PERAWATAN GERONTOLOGI (12 BULAN)** ILKKM Kota Kinabalu ILKKM Kuala Pilah (Kejururawatan)
3.	**DIPLOMA LANJUTAN PENJAGAAN ONKOLOGI (12 BULAN)** **ILKKM Sungai Buloh** Sub Kepakaran: i) *Paediatric Oncology* ii) *Hematology Oncology* iii) *Respiratory Oncology* iv) *Uro Oncology* **ILKKM Johor Bahru** Sub Kepakaran: i) *Breast and Gynaecology Oncology* ii) *Gastrointestinal Tract Oncology*
4.	**DIPLOMA LANJUTAN PERAWATAN KESIHATAN MENTAL (12 BULAN)** ILKKM Johor Bahru
5.	**DIPLOMA LANJUTAN PENJAGAAN DIABETIS (12 BULAN)** ILKKM Johor Bahru ILKKM Kota Kinabalu ILKKM Kubang Kerian (Kejururawatan) ILKKM Alor Setar (Pembantu Perubatan)
6.	**DIPLOMA LANJUTAN PENGURUSAN PENJAGAAN KESIHATAN (12 BULAN)** ILKKM Sultan Azlan Shah
7.	**DIPLOMA LANJUTAN PENJAGAAN KECEMASAN (12 BULAN)** ILKKM Sultan Azlan Shah ILKKM Kota Kinabalu ILKKM Kuala Terengganu (Kejururawatan) ILKKM Seremban (Pembantu Perubatan) ILKKM Alor Setar (Pembantu Perubatan)

8 .	**DIPLOMA LANJUTAN PENGIMEJAN PAYUDARA (12 BULAN)** ILKKM Johor Bahru
9 .	***DIPLOMA LANJUTAN HISTOPATOLOGI (12 BULAN)(MEI)** ILKKM JTMP,Kuala Lumpur
10.	***DIPLOMA LANJUTAN TRANSFUSI DARAH (12 BULAN)(MEI)** ILKKM JTMP,Kuala Lumpur
11.	**SIJIL POS BASIK KEJURURAWATAN KESIHATAN AWAM (12 BULAN)** ILKKM Sungai Buloh ILKKM Sultan Azlan Shah ILKKM Kota Kinabalu ILKKM Kuching ILKKM Alor Setar (Kejururawatan)
12.	**SIJIL POS BASIK ANESTESIA (SABAH DAN SARAWAK SAHAJA) (12 BULAN)** ILKKM Kota Kinabalu
13.	**SIJIL POS BASIK PENYIASATAN DAN PENDAKWAAN UNDANG-UNDANG (12 BULAN)** ILKKM Sungai Buloh
14.	**SIJIL POS BASIK PERAWATAN NEFROLOGI (6 BULAN)** ILKKM Sungai Buloh ILKKM Sultan Azlan Shah ILKKM Johor Bahru ILKKM Kota Kinabalu ILKKM Kuching ILKKM Kuantan (Kejururawatan) ILKKM Alor Setar (Kejururawatan)
15.	**SIJIL POS BASIK PERAWATAN NEONAT (6 BULAN)** ILKKM Sungai Buloh ILKKM Sultan Azlan Shah ILKKM Kuching ILKKM Alor Setar (Kejururawatan) ILKKM Kuala Terengganu (Kejururawatan)
16.	**SIJIL POS BASIK PERAWATAN ORTOPEDIK (6 BULAN)** ILKKM Sungai Buloh ILKKM Sultan Azlan Shah ILKKM Johor Bahru ILKKM Alor Setar (Pembantu Perubatan) ILKKM Sandakan (Kejururawatan)
17.	**SIJIL POS BASIK PERUBATAN SUKAN (6 BULAN)** ILKKM Seremban (Pembantu Perubatan)
18.	**SIJIL POS BASIK PERUBATAN FORENSIK (6 BULAN)** ILKKM Seremban (Pembantu Perubatan)

19.	**SIJIL POS BASIK PENJAGAAN KESIHATAN PRIMER (6 BULAN)** ILKKM Sultan Azlan Shah ILKKM Kuching ILKKM Alor Setar (Pembantu Perubatan)
20.	**SIJIL POS BASIK PERAWATAN OFTALMIK (6 BULAN)** ILKKM Sungai Buloh ILKKM Sultan Azlan Shah
21.	**SIJIL POS BASIK PERAWATAN PERIANESTESIA (6 BULAN)** ILKKM Sultan Azlan Shah ILKKM Alor Setar (Pembantu Perubatan)
22.	**SIJIL POS BASIK KAWALAN INFEKSI (6 BULAN)** ILKKM Sungai Buloh ILKKM Kota Kinabalu ILKKM Kubang Kerian (Kejururawatan)
23.	**SIJIL POS BASIK PERAWATAN REHABILITASI (6 BULAN)** ILKKM Kuala Pilah (Kejururawatan)
24.	**SIJIL POS BASIK SEDIAAN FARMASEUTIKAL STERIL (6 BULAN)** ILKKM Sungai Buloh
25.	**SIJIL POS BASIK KAUNSELING HIV/AIDS (6 BULAN)** ILKKM Sungai Buloh
26.	**SIJIL POS BASIK PERAWATAN GASTROINTESTINAL ENDOSCOPY (6 BULAN)** ILKKM Johor Bahru ILKKM Kota Kinabalu
27.	**SIJIL POS BASIK PENJAGAAN DERMATOLOGI (6 BULAN)** ILKKM Sungai Buloh
28.	**SIJIL POS BASIK PENJAGAAN LUKA (6 BULAN)** ILKKM Sungai Buloh
29.	**SIJIL POS BASIK PENJAGAAN REUMATOLOGI (6 BULAN)** ILKKM Sungai Buloh